

12 JUL 2003

Abdullah-Jepun

KERJASAMA ANTARA JEPUN DAN MALAYSIA AKAN DIPERLUASKAN

Oleh: Hafizah Kamaruddin

TOKYO, 11 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri berkata kerjasama antara Jepun dan Malaysia akan diperluaskan meliputi pelbagai bidang baru termasuk bioteknologi dan kerjasama ekonomi yang lebih komprehensif.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang akan menggantikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Oktober ini, berkata pemimpin Jepun telah menunjukkan minat yang tinggi terhadap Malaysia, dan kekal komited dalam penyertaan mereka untuk membangunkan Malaysia, terutama dalam bidang yang dapat membantu memajukan negara.

Abdullah yang berpuas hati dengan lawatannya itu, berkata kerajaan Jepun juga mahu Malaysia memperluaskan bidang kerjasama yang sedia ada.

Timbalan Perdana Menteri yang tiba di sini pada Khamis bagi lawatan tiga hari telah mengadakan perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin Jepun termasuk Perdana Menteri Junichiro Koizumi, pemimpin korporat, usahawan Jepun dan anggota medianya bagi menjelaskan pendirian beliau mengenai dasar-dasar dalaman dan luar apabila beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri.

Mengenai perjumpaannya dengan Gabenor Bank Jepun bagi Kerjasama Antarabangsa (JBIC) Kyosuke Sinozawa pagi tadi, Abdullah berkata Sinozawa berkata pinjaman Jepun ke Malaysia perlu diubah suai kerana Malaysia kini bukan lagi dianggap sebagai negara membangun tetapi sebagai sebuah negara yang telah membangun.

Untuk itu bentuk pinjaman Yen kepada Malaysia perlu difikirkan semula, katanya.

Abdullah juga berkata beliau turut memaklumkan kepada Sinozawa projek-projek pembangunan yang sudah dikenal pasti untuk dibangunkan.

Beliau, bagaimanapun, enggan menjelaskan lebih lanjut mengenainya.

Timbalan Perdana Menteri dijadual pulang ke tanah air pada Ahad.

-- BERNAMA

HK HS RHM